

APA ITU AUEGCAS?

Amalgamated Union of Employees in Government Clerical and Allied Services (AUEGCAS) atau Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan. Keahliannya terdiri daripada

Pentadbiran dan Sokongan

1. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
2. Pegawai Khidmat Pelanggan
3. Pembantu Pengurusan Murid
4. Pembantu Setiausaha Pejabat

Kewangan

1. Pembantu Tadbir (Kewangan)
2. Pembantu Akauntan

(Gred 19 hingga 28)

dan jawatan Gred-Gred bersekutu dari pelbagai Kementerian dan Jabatan-Jabatan Persekutuan dan Negeri.

Ditubuhkan pada 24 September 1963 dan bergabung dengan CUEPACS, MTUC dan Public Services International (PSI).

OBJEKTIF

- a. Berperanan terhadap perjuangan semua pekerja.
- b. Mempertahankan hak-hak, cita-cita serta kemajuan kedudukan taraf ahli.

- c. Menentukan ahli-ahli tidak menjadi mangsa dieksplotasi, ditindas, dianiayai oleh majikan.
- d. Menentukan keperluan pekerja-pekerja berkenaan untuk membuat keputusan secara sepakat.
- e. Mengamalkan konsep perpaduan dan penyatuan semua pekerja tanpa mengira bangsa, keturunan dan jantina.

FAEDAH-FAEDAH

1. Menentukan tangga gaji yang lebih memuaskan, membawa kepada taraf kehidupan yang selesa.
2. Keselamatan pekerjaan dengan membawa ketenteraman fikiran, mengikis kan keimbangan serta meningkatkan produktiviti.
3. Melindungi hak-hak dan kemudahan-kemudahan anda.

GANJARAN-GANJARAN YANG DIPEROLEHI

1. Bantuan dermasiswa untuk anak ahli.
2. Faedah persaraan.
3. Sumbangan kewangan kepada pewaris ahli yang meninggal dunia.

MENGAPA ANDA PERLU MENJADI AHLI?

Tanpa Kesatuan Sekerja, anda adalah keseorangan dan **tidak dapat menyuarakan** sesuatu kerana ianya **melibatkan ahli yang ramai**.

Melindungi dan mempertahankan kebajikan anda.

Membimbing supaya menjadi pekerja **yang baik dan berdisiplin**.

Membawa **kesempurnaan kepada kehidupan dan taraf sosio-ekonomi**.

Kesatuan Sekerja **hanya boleh memperolehi semua kemudahan bagi ahli-ahlinya, sekiranya semua pekerja bersatu dan memperkuatkan Kesatuan Sekerja**.

Mereka yang **TIDAK MENJADI AHLI** adalah **punca penghalang dalam sesuatu perjuangan dan tuntutan**.

